SEMINAR

ISTIGHASAH: USUL, KONSEP & AMALAN

KERTAS KERJA

19 SEPTEMBER 2022 8.30 PAGI - 12.30 TENGAH HARI

MASJID DATO' KLANA PETRA, UNDANG LUAK SUNGEI UJONG, PUTRA, NILAI, NEGERI SEMBILAN

Anjuran Jabatan Mufti Negeri Sembilan dengan kerjsama Pertubuhan Nahdhatul Ulama' Malaysia, Akademi Warisan Nusantara dan Masjid Dato' Klana Petra.

Seminar Istighasah: Usul, Konsep dan Amalan

19 September 2022

Istighāthah di sisi Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan Garis Panduan serta Salah Faham Golongan Ekstrim

Disediakan oleh:

Dr. Abdullaah Jalil

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Merangkap: Panel Penyelidik Fatwa Kontemporari, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.

8.30 pagi – 12.30 tengahari

Masjid Dato' Kelana Petra, Nilai, Negeri Sembilan.

Anjuran Jabatan Mufti Negeri Sembilan dengan Kerjasama Pertubuhan Nahdhatul Ulama' Malaysia, Akademi Warisan Nusantara dan Masjid Dato' Klana Petra.

ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN

Tawassul, *tabarruk* dan *istighāthah* adalah tiga topik penting yang perlu dibincangkan dengan ilmiah dan adab dari perspektif Ahli Sunnah Wal Jama'ah (ASWJ). Ini adalah kerana di sana terdapatnya pandangan-pandangan golongan ekstrim yang tersebar di kalangan sebahagian masyarakat mengaitkan amalan-amalan ini dengan kesyirikan dan kekufuran. Pandangan-pandangan seperti ini telah menimbulkan polemik dan fitnah yang berpanjangan di kalangan umat Islam sehingga munculnya fenomena *takfir* (sikap mudah menghukum kafir terhadap muslim yang lain) dan *istiḥlāl* (sikap menghalalkan darah dan harta muslim yang lain dengan alasan kufur atau syirik). Walaupun dalil dan perbincangan di antara ketiga-tiga isu *tawassul*, *tabarruk* dan *istighāthah* ini agak saling berkait di antara satu sama lain, kertas kerja ini memfokuskan perbincangan isu *istighāthah* dan kedudukannya di sisi ASWJ serta salah faham golongan ekstrim terhadap konsep ini.

DEFINISI *ISTIGHĀTHAH*

Dari sudut bahasa, *istighāthah* memberi maksud meminta pertolongan atau bantuan. Ia biasanya merujuk kepada permohonan bantuan untuk melepaskan diri daripada bahaya atau kesusahan. *Istighāthah* adalah salah satu bentuk dan gaya bahasa masyarakat arab. Di dalam ilmu bahasa arab, *istighāthah* salah satu cabang daripada bentuk seruan (*nidā'*) dan ia mempunyai beberapa gaya. Oleh kerana itu rukunnya dari sudut bahasa ada tiga iaitu:

1. Alat *istighāthah* iaitu alat seruan: Yā.
2. *Al-Mustaghāth bih*
3. *Al-Mustaghāth lah*

Sebagai contoh:

يَا لَلطَّبِيبِ لِلْمَرِيضِ

“Wahai doktor, bantulah si pesakit.”

يَا لَله لِلْمُسْلِمِينَ

“Wahai Allah, bantulah para muslimin.”

Menurut al-Shaykh al-ʿAllamah al-Qaḍī Isma'il bin Yusuf al-Nabhani di dalam kitabnya “Shawāhid al-Ḥaqq”, amalan ber*istighāthah* dengan Rasulullah ﷺ telah pun dilakukan sejak hidup Rasulullah ﷺ dan selepas kewafatan Baginda ﷺ serta sehingga di alam akhirat nanti.

Perbezaan di antara Tawassul dan Istighāthah

Perbezaan di antara *tawassul* dan *istighāthah* bukanlah pada iktikad orang yang melakukannya tetapi kepada gaya bahasa dalam berdoa. Sebagai contoh, perbezaan di antara tawassul dan istighathah dengan Rasulullah ﷺ selepas kewafatan Baginda ﷺ adalah seperti di dalam jadual di bawah:

Lafaz *tawassul* dengan Rasulullah ﷺ	Lafaz *istighāthah* dengan Rasulullah ﷺ
Ya Allah, aku bertawassul kepada-Mu dengan Nabi-Mu, Nabi pembawa rahmat, agar engkau menunaikan hajatku	Wahai Rasulullah, bantulah kami, bantulah umatmu ini, kami berada di dalam kesusahan. Wahai Rasulullah, mohonlah hujan daripada Tuhan-Mu buat umatmu, sesungguhnya tanaman dan ternakan mereka telah musnah.

Dari perspektif ASWJ, *tawassul* dan *istighāthah* adalah merupakan beberapa bentuk daripada bentuk-bentuk doa kepada Allah ﷻ dan ia bukanlah perbezaan dari sudut akidah. Umat islam ASWJ tetap hanya mengiktikadkan ketuhanan dan pengibadahan hanyalah kepada Allah dan para *anbiyā'* dan *awliyā'* yang di*tawassul*kan atau di*istighāthah*kan dengannya hanyalah merupakan sebab untuk sampainya kurniaan dan pertolongan Allah ﷻ kepada mereka.

ASAS-ASAS KEFAHAMAN ULAMA' AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH BERKENAAN *ISTIGHĀTHAH*

Berikut adalah dalil-dalil dan hujah bagi amalan *istighāthah* menurut perspektif ASWJ.

Firman Allah ﷻ (al-Nisā':64):

Di antara ayat al-Quran yang menjadi dalil bagi amalan *istighāthah* ialah firman Allah (al-Nisā':64):

﴿ وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَسُولٍ إِلَّا لِيُطَاعَ بِإِذْنِ اللهِ وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللهَ وَاسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللهَ تَوَّابًا رَحِيمًا ﴾

> "Dan Kami tidak mengutus seseorang Rasul pun melainkan supaya ia ditaati dengan izin Allah. Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani."

Ayat ini mengajar para sahabat ﵃ dan umat Islam untuk beristighfar melalui Rasulullah ﷺ. Ia bukan menafikan istighfar secara langsung kepada Allah, tetapi ia adalah salah satu bentuk istighfar yang disyariatkan. Menurut Imam Ibnu Ḥajar al-Haytami al-Makki di dalam kitabnya "*al-Jawhar al-Munazzam fi Ziyarat al-Qabr al-Sharif al-Nabawi al-Mukarram*", p.17:

دلت على حث الأمّة على المجئ إليه ﷺ والاستغفار عنده واستغفاره لهم ، وهذا لا ينقطع بموته . ودلت أيضًا على تعليق وجدانهم الله توّابًا رحيمًا بمجيئهم واستغفارهم واستغفار الرسول لهم

> "Ayat ini menunjukkan (menjadi dalil) bagi menggalakkan umat Islam untuk datang kepada Baginda ﷺ dan memohon keampunan [Allah] di sisi Baginda ﷺ serta istighfar Baginda ﷺ untuk mereka, dan [anjuran/ galakan] ini tidak terputus dengan kewafatan Baginda ﷺ.
>
> Dan ayat ini juga menunjukkan kaitan/ pergantungan untuk mereka mendapati Allah sebagai Yang Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani dengan (i) kedatangan mereka [kepada Rasulullah ﷺ], (ii) istighfar mereka, dan (iii) istighfar Rasulullah ﷺ buat mereka."

Perkara yang hampir sama juga telah disebut di dalam al-Quran (Yūsuf:97-98) apabila adik beradik Nabi Yūsuf ﵇ meminta agar bapa mereka Nabi Yaʿqūb ﵇ beristighfar bagi mereka:

﴿ قَالُوا يَاأَبَانَا اسْتَغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا إِنَّا كُنَّا خَاطِئِينَ (٩٧) قَالَ سَوْفَ أَسْتَغْفِرُ لَكُمْ رَبِّي إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ (٩٨)﴾

> "Mereka (adik beradik Nabi Yūsuf ﵇) berkata: "Wahai ayah kami! Mintalah ampun bagi kami akan dosa-dosa kami; sesungguhnya kami adalah orang-orang yang bersalah".
>
> Nabi Yaʿqūb [﵇] berkata: "Aku akan meminta ampun bagi kamu dari Tuhanku; sesungguhnya Dia lah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Permintaan mereka agar bapa mereka beristighfar untuk mereka bukanlah bermakna bahawa mereka tidak boleh beristighfar secara langsung kepada Allah ﷾., tetapi istighfar seorang bapa dan Nabi ﵇ mempunyai kedudukan yang istimewa di sisi Allah. Dan Nabi Yaʿqūb ﵇ tidak menolak permintaan anak-anaknya, bahkan beliau memberi janji untuk memohon keampunan buat mereka."

Istighāthah dengan Para Anbiyā’ pada Hari Kebangkitan

ʿAbdullāh Ibnu ʿUmar رضي الله عنهما meriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

إِنَّ الشَّمْسَ تَدْنُو يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يَبْلُغَ الْعَرَقُ نِصْفَ الْأُذُنِ فَبَيْنَا هُمْ كَذَلِكَ اسْتَغَاثُوا بِآدَمَ، ثُمَّ بِمُوسَى، ثُمَّ بِمُحَمَّدٍ ﷺ

> “Sesungguhnya matahari akan berada begitu dekat dengan kamu pada kiamat kelak sehingga peluh-peluh manusia akan sampai sehingga paras separuh telinga.
>
> Tatkala mereka dalam keadaan demikian, mereka pun beristighāthah dengan Nabi Adam عليه السلام, kemudian Nabi Musa عليه السلام dan kemudian dengan Nabi Muhammad ﷺ.”
>
> T: (al-Bukhārī (256H): Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 1475.

Rasulullah ﷺ Mengajar Para Sahabat رضي الله عنهم Untuk Berdoa dengan Bertawassul Dengan Baginda ﷺ

ʿUthmān bin Ḥunayf al-Anṣārī رضي الله عنه meriwayatkan bahawa:

أَنَّ رَجُلًا ضَرِيرَ الْبَصَرِ أَتَى النَّبِيَّ ﷺ فَقَالَ: ادْعُ اللهَ أَنْ يُعَافِيَنِي، قَالَ: ((إِنْ شِئْتَ دَعَوْتُ وَإِنْ شِئْتَ صَبَرْتَ فَهُوَ خَيْرٌ لَكَ))، قَالَ: فَادْعُهْ، قَالَ: فَأَمَرَهُ أَنْ يَتَوَضَّأَ فَيُحْسِنَ وُضُوءَهُ وَيَدْعُوَ بِهَذَا الدُّعَاءِ: ((اَللّٰهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ وَأَتَوَجَّهُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ نَبِيِّ الرَّحْمَةِ، (يَا مُحَمَّدُ) إِنِّي تَوَجَّهْتُ بِكَ إِلَى رَبِّي فِي حَاجَتِي هٰذِهِ لِتُقْضَى لِيَ، اَللّٰهُمَّ فَشَفِّعْهُ فِيَّ))

> “Sesungguhnya seorang lelaki yang buta telah datang kepada Nabi ﷺ dan berkata: Doakanlah kepada Allah agar Dia mengurniakan daku keafiatan. Baginda ﷺ bersabda: Sekiranya engkau mahu, aku akan berdoa dan sekiranya engkau mahu, engkau boleh bersabar, dan ia adalah lebih baik untukmu. Beliau berkata: Doakanlah. Beliau (perawi) berkata: Maka Baginda ﷺ pun memerintahkannya untuk berwudu’ dan menyempurnakan wudu’nya, (dan bersolat dua rakaat) dan berdoa dengan doa ini:
>
> Ya Allah! Sesungguhnya aku memohon daripadaMu dan aku ber*tawajjuh* (mengadap) kepada-Mu dengan Nabi-Mu, Muhammad ﷺ, Nabi pembawa rahmat, Wahai Muhammad (Rasulullah ﷺ)! Sesungguhnya aku berhadap denganmu kepada Tuhanku pada hajatku ini agar ditunaikan bagiku hajatku ini. Ya Allah! Maka terimalah shafaat Baginda ﷺ padaku ini.”

T: (al-Tirmidhī (279H): al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 10419 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (); (Ibn Mājah (273H): Sunan Ibn Mājah); (Aḥmad (241H): al-Musnad); (al-Nasāʾī (303H): al-Sunan al-Kubrā); (al-Ṭabarānī (360H): al-Muʿjam al-Kabīr) dan lain-lain. [Status: Sahih]

Seruan "*Yā Muḥammad*" adalah lafaz tambahan yang terdapat di dalam banyak riwayat hadith ini seperti di dalam riwayat Ibnu Majah, Ahmad Ibn Hanbal, al-Hakim, al-Nasa'i (al-Kubra) dan lain-lain. Sebahagian ulama' menggantikannya dengan "*Yā Rasūlallāh*" apabila berdoa kerana memelihara adab dalam menyeru (*nida'*) Rasulullah ﷺ. Namun begitu, mengekalkan seruan "*Yā Muḥammad*" juga adalah disyariatkan berdasarkan kaedah *ittiba'*.

Seruan yang diajarkan oleh Rasulullah ﷺ di dalam hadith ini menjadikannya sebagai salah satu dalil *istighāthah* dan bukan hanya dalil *tawassul*. Ini adalah kerana lafaz seruan ini terpakai ketika Rasulullah ﷺ masih hidup atau telah wafat, sama ada sahabat yang melafazkannya berdekatan hadir dengan Rasulullah ﷺ atau berjauhan daripada Baginda ﷺ. Anjuran Rasulullah ﷺ di dalam hadith ini adalah secara umum atau mutlak yang meliputi semua keadaan.

Hadith "Bantulah [Daku], Wahai Para Hamba Allah!"

Daripada ʿAbdullāh Ibnu ʿAbbās رضي الله عنهما, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

((إِنَّ لله مَلَائِكَةً فِي الْأَرْضِ سِوَى الْحَفَظَةِ، يَكْتُبُونَ مَا سَقَطَ مِنْ وَرَقِ الشَّجَرِ، فَإِذَا أَصَابَ أَحَدَكُمْ عَرْجَةٌ بِأَرْضٍ فَلاةٍ فَلْيُنَادِ: أَعِينُوا عِبَادَ الله))

"Sesungguhnya bagi Allah ﷻ itu para malaikat [yang ditugaskan] di bumi selain daripada para malaikat pencatat amalan, dan mereka mencatat apa yang gugur daripada daun-daun pohon [di bumi].

Maka apabila salah seorang daripada kamu ditimpa kesusahan di tanah yang lapang atau padang pasir, maka hendaklah dia menyeru:

أَعِينُوا عِبَادَ الله

"Bantulah [daku], wahai para hamba Allah."

T: (al-Bazzār (292H): al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār), No. 4922 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (وَهَذَا الْكَلامُ لا نَعْلَمُهُ يُرْوَى عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم بِهَذَا اللَّفْظِ إِلا مِنْ هَذَا الْوَجْهِ بِهَذَا الإِسْنَادِ) & (al-Haythamī (807H): Kashf al-Astār ʿan Zawāʾid al-Bazzār), No. 3126. Juga secara *mawqūf* pada ʿAbdullāh Ibnu ʿAbbās رضي الله عنهما di: (al-Bayhaqī (458H): Shuʿab al-Imān), No. 160 & (al-Bayhaqi (458H): al-Adab), No. 650.

Di dalam kitab al-Adāb (No. 650), Imam al-Bayhaqī menambah ulasan berikut:

هَذَا مَوْقُوفٌ عَلَى ابْنِ عَبَّاسٍ ، مُسْتَعْمَلٌ عِنْدَ الصَّالِحِينَ مِنْ أَهْلِ الْعِلْمِ لِوُجُودِ صِدْقِهِ عِنْدَهُمْ فِيمَا جَرَّبُوا. وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ

“Dan riwayat ini adalah secara *mawqūf* kepada ʿAbdullāh Ibnu ʿAbbās dan ia (amalan ini) digunapakai di sisi orang-orang soleh daripada kalangan para ulama’ kerana wujudnya kebenaran amalan ini di sisi mereka berdasarkan pengalaman mereka sendiri.

Dan hanya dengan Allah sahajalah taufik [bagi melakukan ketaatan].”

Hadith “Wahai Para Hamba Allah! Tahanlah”

Daripada ʿAbdullāh Ibnu Masʿūd , sesungguhnya beliau berkata: Rasulullah bersabda:

((إِذَا انْفَلَتَتْ دَابَّةُ أَحَدِكُمْ بِأَرْضٍ فَلاةٍ فَلْيُنَادِ: يَا عِبَادَ اللهِ، اِحْبِسُوا! يَا عِبَادَ اللهِ، اِحْبِسُوا! فَإِنَّ للهِ حَاضِرًا فِي الأَرْضِ سَيَحْبِسُهُ))

“Apabila haiwan [tunggangan] salah seorang daripada kamu telah hilang (melarikan diri) di tanah yang lapang/ padang pasir, maka hendaklah dia menyeru:

يَا عِبَادَ اللهِ، اِحْبِسُوا! يَا عِبَادَ اللهِ، اِحْبِسُوا!

“Wahai para hamba Allah, tahanlah [haiwanku itu]. Wahai para hamba Allah, tahanlah [haiwanku itu].”

Sesungguhnya Allah itu memiliki makhluk yang hadir di bumi dan ia akan menahan haiwan tersebut [daripada melarikan diri].”

T: (Abū Yaʿlā al-Mawṣilī (307H): Musnad Abī Yaʿlā al-Mawṣilī), No. 5269 [Lafaz di atas]; (al-Ṭabarānī (360H): al-Muʿjam al-Kabīr), No. 10518; (Ibn al-Sunnī (364H): ʿAmal al-Yawm wa al-Laylah), No. 509; (al-Haythami (807H): al-Maqsid al-'Ali fi Zawa'id Abi Ya'la al-Mawsili), No. 1665; (al-Būṣīrī (840H): Itḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawāʾid al-Masānīd al-ʿAsharah), No. 7382 dan beliau berkata: (هذا إسناد ضعيف لضعف محروس بن حسان) & 8254 dan (Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī (852H): al-Maṭālib al-ʿĀliyah bi Zawāʾid al-Masānid al-Thamāniyah), No. 3382.

Para Nabi عليهم السلام Hidup dan Bersolat di dalam Kubur Mereka

Daripada Anas bin Mālik رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

((اَلْأَنْبِيَاءُ أَحْيَاءٌ فِي قُبُورِهِمْ يُصَلُّونَ))

> "Para Nabi عليهم السلام itu hidup di dalam kubur mereka dan mereka bersolat di dalamnya."
>
> T: (Abū Yaʿlā al-Mawṣilī (307H): Musnad Abī Yaʿlā al-Mawṣilī), No. 3425 [Lafaz di atas]; (al-Bazzār (292H): al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār), No. 6391 & 6888; (Tamām al-Rāzī (414H): Fawā'id Tamām al-Rāzī), No. 58; (Abū Nuʿaym al-Aṣbahānī (430H): Akhbār Asbahān), No. 1576; (al-Bayhaqī (458H): Hayat al-Anbiya' fi Quburihim), No. 1, 2 & 4; (Ibn ʿAsākir (571H): Tārīkh Dimashq), No. 12018; (al-Haythami (807H): al-Maqsid al-'Ali fi Zawa'id Abi Ya'la al-Mawsili), No. 1239; (al-Haythamī (807H): Kashf al-Astār ʿan Zawāʾid al-Bazzār), No. 2337; (al-Būṣīrī (840H): Itḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawāʾid al-Masānīd al-ʿAsharah), No. 8802 & (Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī (852H): al-Maṭālib al-ʿĀliyah bi Zawāʾid al-Masānid al-Thamāniyah), No. 3446. [Status: Ḥasan]

Peristiwa Isrā' dan Miʿrāj

Peristiwa isrā' dan miʿrāj juga adalah merupakan sebesar-besar dalil bahawa para nabi mempunyai keistimewaan yang besar di sisi Allah ﷻ walaupun selepas kewafatan mereka. Mereka berhimpun melakukan solat secara berjemaah, saling berdoa dan memuji Allah ﷻ. Bahkan, Nabi Ibrahim عليه السلام telah mengirimkan salamnya kepada kita melalui Rasulullah ﷺ dan Nabi Musa عليه السلام telah memberi manfaat kepada umat ini dengan mencadangkan agar Rasulullah ﷺ memohon pengurangan solat fardu daripada lima puluh waktu sehingga menjadi lima waktu sahaja.

Berkenaan dengan pertemuan Rasulullah ﷺ dengan Nabi Musa عليه السلام ini, Allah ﷻ berfirman (al-Sajdah: 23):

﴿ وَلَقَدْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ فَلَا تَكُنْ فِي مِرْيَةٍ مِنْ لِقَائِهِ وَجَعَلْنَاهُ هُدًى لِبَنِي إِسْرَائِيلَ ﴾

> "Dan demi sesungguhnya! Kami telah memberi kepada Nabi Musa Kitab Taurat (sebagaimana Kami berikan Al-Quran kepadamu wahai Muhammad), **maka janganlah engkau ragu-ragu tentang pertemuan dengannya** [pada malam isrā' dan miʿrāj]; dan Kami jadikan Kitab Taurat itu hidayah penunjuk bagi kaum Bani Israil."

Rasulullah ﷺ Beristighfar kepada Umat Baginda ﷺ Selepas Kewafatan Baginda ﷺ

Daripada ʿAbdullāh Ibnu Masʿūd ﵁, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

((حَيَاتِي خَيْرٌ لَكُمْ تُحَدِّثُونَ وَنُحَدِّثُ لَكُمْ، وَوَفَاتِي خَيْرٌ لَكُمْ تُعْرَضُ عَلَيَّ أَعْمَالُكُمْ، فَمَا رَأَيْتُ مِنَ خَيْرٍ حَمِدْتُ اللهَ عَلَيْهِ، وَمَا رَأَيْتُ مِنَ شَرٍّ اسْتَغْفَرْتُ اللهَ لَكُمْ))

> “Hidupku adalah baik bagi kamu semua; kamu dapat bercakap denganku dan aku dapat bersabda kepada kamu.
>
> Dan kewafatanku juga adalah baik bagi kamu; amalan-amalan kamu akan dibentangkan kepadaku, maka apa yang aku lihat daripada kebaikan (amalan kamu), maka aku memuji Allah ﷻ bagi kebaikan tersebut; dan apa yang aku lihat daripada kejahatan (amalan kamu), maka aku memohon keampunan daripada Allah ﷻ bagi kamu semua.”
>
> T: (al-Bazzār (292H): al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār), No. 1925 [Lafaz di atas] & (Abu Zur'ah al-'Iraqi (806H): Tarh al-Tathrib), No. 517. [Status: Ḥasan]

Rasulullah ﷺ Menjawab Salam Umat Baginda ﷺ Setelah Kewafatan Baginda ﷺ

Daripada Abu Hurayrah ﵁, beliau meriwayatkan sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

((مَا مِنْ أَحَدٍ يُسَلِّمُ عَلَيَّ، إِلَّا رَدَّ اللهُ عَلَيَّ رُوحِي حَتَّى أَرُدَّ عَلَيْهِ السَّلَامَ))

> “Tidak ada seorang muslim pun yang memberi salam kepadaku melainkan Allah ﷻ akan mengembalikan rohku kepadaku sehinggalah aku menjawab salam kepadanya.”
>
> T: (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 2014 [Lafaz di atas]: Sanadnya baik; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 10434; (al-Bayhaqī (458H), 1992 - al-Sunan al-Saghīr), No. 1816; (al-Bayhaqī (458H), 2000 - al-Sunan al-Kubrā), No. 9519; (Ishaq Ibn Rahuyah/ Rahwayh/ Rahawayh (238H), - Musnad Ishaq Ibn Rahuyah/ Rahwayh/ Rahawayh), No. 526; (al-Tabarānī (360H), - al-Muʿjam al-Awṣaṭ), No. 3092 & 9329 dan lain-lain.

Hadith ini menjadi dalil bahawa Rasulullah ﷺ hidup di dalam kubur Baginda ﷺ.

Athar Sayyidina ʿUmar ﵁ Memperakukan Istighāthah dengan Rasulullah ﷺ Selepas Kewafatan Baginda ﷺ

Daripada Mālik al-Dār, pemegang simpanan makanan dan mawlā bagi Amīr al-Mu’minīn Sayyidina ʿUmar bin al-Khaṭṭab ﵁, beliau berkata:

أَصَابَ النَّاسَ قَحْطٌ فِي زَمَنِ عُمَرَ ت، فَجَاءَ رَجُلٌ إِلَى قَبْرِ النَّبِيِّ ق فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، اسْتَسْقِ لِأُمَّتِكَ فَإِنَّهُمْ قَدْ هَلَكُوا، فَأَتَى الرَّجُلَ فِي الْمَنَامِ، فَقِيلَ لَهُ:ائْتِ عُمَرَ فَأَقْرِئْهُ السَّلَامَ، وَأَخْبِرْهُ أَنَّكُمْ مَسْقِيُّونَ وَقُلْ لَهُ: عَلَيْكَ الْكَيْسُ، عَلَيْكَ الْكَيْسُ، فَأَتَى عُمَرَ فَأَخْبَرَهُ، فَبَكَى عُمَرُ، ثُمَّ قَالَ: يَا رَبِّ، لَا آلو إِلَّا مَا عَجَزْتُ عَنْهُ

Pada zaman Sayyidina ʿUmar bin al-Khattab ﵁, orang ramai telah ditimpa musim kemarau. Lalu seorang lelaki telah datang ke kubur Baginda Nabi ﷺ dan berkata: Wahai Rasulullah, mohonlah hujan bagi umatmu. Sesungguhnya mereka dalam kemusnahan.

Maka Rasulullah ﷺ telah datang kepada lelaki tersebut di dalam mimpi dan bersabda kepadanya: Pergilah berjumpa dengan Umar (﵁) dan sampaikan salam[ku] kepadanya dan beritahulah berita kepadanya bahawa sesungguhnya kamu semua akan diberi hujan. Dan katakan kepadanya: Hendaklah engkau sentiasa bijak. Hendaklah engkau sentiasa bijak.

Kemudian, lelaki tersebut pun datang berjumpa Sayyidina ʿUmar bin al-Khattab ﵁ dan memberitahunya mimpi tersebut. Sayyidina ʿUmar l﵁ antas menangis dan berkata: Wahai Tuhanku, aku tidak cuai untuk berusaha melainkan pada yang aku tidak mampu.”

T: (Ibn Abi Shaybah (235H): Musannaf Ibn Abi Shaybah), No. 32538 [Lafaz di atas]; (Ibn Abi Khaythamah (279H): Tarikh Ibn Abi Khaythamah), No. 1818; (al-Bayhaqī (458H): Dalā'il al-Nubuwwah), No. 2979; (Abu Ya'la al-Khalili (446H): al-Irshad fi Ma'rifat 'Ulama' al-Hadith), p. 63; (Ibn 'Abd al-Barr (463H): al-Isti'ab fi Ma'rifat al-Ashab), Juzuk 3, p.238. [Status: Sahih]

Athar Sayyidatina ʿA’ishah ﵂

Daripada Abu al-Jawza’ Aws bin ʿAbdullah, beliau berkata:

قَحَطَ أَهْلُ الْمَدِينَةِ قَحْطًا شَدِيدًا، فَشَكَوْا إِلَى عَائِشَةَ، فَقَالَتْ: انْظُرُوا قَبْرَ النَّبِيِّ ﷺفَاجْعَلُوا مِنْهُ كُوًى إِلَى السَّمَاءِ حَتَّى لَا يَكُونَ بَيْنَهُ وَبَيْنَ السَّمَاءِ سَقْفٌ، قَالَ: فَفَعَلُوا، فَمُطِرْنَا مَطَرًا حَتَّى نَبَتَ الْعُشْبُ، وَسَمِنَتِ الْإِبِلُ حَتَّى تَفَتَّقَتْ مِنْ الشَّحْمِ، فَسُمِّيَ عَامَ الْفَتْقِ

“Penduduk Madinah pernah dilanda dengan satu musim kemarau yang sangat dahsyat, lalu mereka pergi mengadukan perkara ini kepada (Saidatina) ʿAʾishah ﵂. Beliau berkata: Lihatlah kubur Nabi ﷺ, dan buatkanlah baginya satu lubang yang terbuka ke langit sehingga tidak ada atap yang menghalang di antaranya dan langit.

Beliau (Abu al-Jawza') berkata: Maka mereka pun melakukannya, dan kami pun disirami hujan sehingga rumput-rumput mulai tumbuh dan unta-unta menjadi gemuk sehingga kulit badannya seakan-akan terkoyak/ terbuka lantaran banyaknya lemak. Maka tahun tersebut dinamakan Tahun *al-Fatq* (Buka/ Koyak)."

T: (al-Dārimī (255H): Sunan al-Dārimī), No. 92. Bab: "Apa Yang Allah Muliakan NabiNya Selepas Kewafatan Baginda ﷺ". al-Imam al-Tabrizi (741H) juga memasukkan athar ini di dalam "Mishkat al-Masabih", No. 5950, Kitab al-Fada'il wa al-Shama'il - Bab al-Karamat - al-Fasl al-Thani.

Athar Sayyidina ʿAbdullāh Ibnu ʿUmar رضي الله عنهما: "Yā Muḥammadāh" Ketika Beliau Sakit

Daripada Abū Shuʿbah, beliau berkata:

كُنْتُ أَمْشِي مَعَ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا، فَخَدِرَتْ رِجْلُهُ، فَجَلَسَ، فَقَالَ لَهُ رَجُلٌ: اُذْكُرْ أَحَبَّ النَّاسِ إِلَيْكَ. فَقَالَ : يَا مُحَمَّدَاهُ، فَقَامَ فَمَشَى.

Aku pernah berjalan bersama dengan [Sayyidina ʿAbdullāḥ] Ibnu ʿUmar رضي الله عنهما, lalu kaki beliau menjadi sakit dan tidak boleh bergerak. Maka ada seorang lelaki berkata kepada beliau: "Sebutlah/ ingatlah orang yang paling engkau cintai." Beliau pun menyebut:

يَا مُحَمَّدَاهُ

"Wahai [Nabi] Muhammad [ﷺ]."

Lalu [kaki beliau pun sembuh dan] beliau pun bangkit dan berjalan."

T: (Ibn al-Sunnī (364H): ʿAmal al-Yawm wa al-Laylah), No. 169 [Lafaz di atas] & (al-Bukhārī (256H): al-Adab al-Mufrad), No. 964.

Athar yang sama juga diriwayatkan oleh Imam al-Bukhāri di dalam kitabnya "al-Adab al-Mufrad" dengan lafaz:

يَا مُحَمَّدُ

"Wahai [Nabi] Muhammad [ﷺ]."

Athar Sayyidina Khālid al-Walid رضي الله عنه: "Yā Muḥammadāh" Ketika Berperang

Pada hari peperangan al-Yamāmah berlaku di antara para muslimin dan pengikut Musaylamah al-Kadhdhāb, kaum muslimin berhadapan dengan situasi yang sangat getir kerana Banī Ḥanīfah yang mengikut si Musaylamah telah berperang

dengan dahsyat sekali sehingga ramai daripada kalangan para sahabat ﷽ yang gugur syahid. Pada saat yang genting itu, Sayyidina Khālid al-Walīd ﵁ pun mengangkat suara menyebut: “Yā Muḥammadāh.” Kisah ini diriwayatkan oleh Imam Ibnu Kathīr dengan sanadnya bahawa:

ثُمَّ نَادَى بِشِعَارِ الْمُسْلِمِينَ، وَكَانَ شِعَارُهُمْ يَوْمَئِذٍ: يَا مُحَمَّدَاهْ

> “Kemudian beliau (Sayyidina Khalid al-Walid ﵁) menyeru dengan syiar para muslimin [pada peperangan al-Yamāmah], dan syiar mereka pada hari tersebut ialah: “Yā Muḥammadāh.”
>
> T: (Ibn Kathir (774H): al-Bidayah wa al-Nihayah), Jilid 9, p.469.

PANDANGAN PARA ULAMA’ MUKTABAR

Nasihat Imam Malik kepada Khalifah al-Mansur

Khalifah al-Mansur (Abu Ja’far bin Abdullah bin Muhammad) (95H-158H) bertanya kepada Imam Malik (93H-179H):

يَا أَبَا عَبْدِ اللهِ ، أَسْتَقْبِلُ الْقِبْلَةَ ، وَأَدْعُو أَمْ أَسْتَقْبِلُ رَسُولَ اللهِ ﷺ؟

> “Wahai Abu Abdillah (Imam Malik)! Patutkah aku mengadap kiblat dan berdoa, ataupun aku patut mengadap Rasulullah (ﷺ sambil berdoa)?”

Imam Malik menjawab:

وَلِمَ تَصْرِفُ وَجْهَكَ عَنْهُ، وَهُوَ وَسِيلَتُكَ وَوَسِيلَةُ أَبِيكَ آدَمَ ﵇ إِلَى اللهِ تَعَالَى يَوْمَ الْقِيَامَةِ؟ بَلِ اسْتَقْبِلْهُ، وَاسْتَشْفِعْ بِهِ، فَيُشَفِّعُهُ اللهُ، قَالَ اللهُ تَعَالَى: ﴿ وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ ﴾ (النساء : 64) الآية .

> “Mengapakah engkau perlu memalingkan wajahmu daripada Baginda ﷺ, sedangkan **Baginda adalah wasilahmu dan wasilah bapamu (Nabi) Adam (﵇) kepada Allah ﷻ pada Hari Kiamat?**
>
> Bahkan, mengadaplah kepada Baginda ﷺ , dan mohonlah shafa’at dengan Baginda ﷺ, maka Allah akan menerima shafa’at Baginda ﷺ.
>
> Allah ﷻ berfirman: ﴿ Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Nabi Muhammad ﷺ) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah ﷺ juga memohon ampun untuk mereka,

tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani ﴾. (al-Nisa':64)

Rujukan: al-Qadi 'Iyad (w.544H) – al-Shifa bi Ta'rif Huquq al-Mustafa. Jilid 2/2, p. 92-93.

Amalan Imam Ahmad bin Hanbal

Imam al-Bayhaqī (w.458H) telah meriwayatkan di dalam "Shuʿab al-Īmān" dengan sanad yang ṣaḥīḥ kepada Abdullah bin Ahmad, beliau berkata:

سَمِعْتُ أَبِي، يَقُولُ: حَجَجْتُ خَمْسَ حِجَجٍ، اثْنَتَيْنِ رَاكِبًا، وَثَلَاثَ مَاشِيًا، أَوْ ثَلَاثَ رَاكِبًا، وَاثْنَتَيْنِ مَاشِيًا، فَضَلَلْتُ الطَّرِيقَ فِي حَجَّةٍ، وَكُنْتُ مَاشِيًا فَجَعَلْتُ أَقُولُ: يَا عِبَادَ اللهِ، دُلُّونِي عَلَى الطَّرِيقِ، قَالَ: فَلَمْ أَزَلْ أَقُولُ ذَلِكَ حَتَّى وَقَفْتُ عَلَى الطَّرِيقِ، أَوْ كَمَا قَالَ أَبِي.

"Aku telah mendengar bapaku (Imam Ahmad bin Hanbal (w.241H)) berkata:

Aku telah mengerjakan haji sebanyak lima (5) kali, dua daripadanya adalah dengan menunggang kenderaan dan tiga kali adalah dengan berjalan kaki, atau tiga kali dengan menunggang kenderaan dan dua kali dengan berjalan kaki.

Dan aku pernah tersesat jalan dalam satu perjalanan mengerjakan haji tersebut ketika aku mengerjakannya dengan berjalan kaki. Maka, aku pun menyebut:

يَا عِبَادَ اللهِ، دُلُّونِي عَلَى الطَّرِيقِ

"Wahai para hamba Allah, tunjukkanlah daku jalan [yang betul]," dan aku berterusan menyebutnya sehinggalah aku menjumpai jalan [yang betul] tersebut."

T: (al-Bayhaqī (458H): Shuʿab al-Imān), No. 7298, Jilid 10, p.141 [Lafaz di atas].

Al-Imam Shaykh al-Islam Qāḍī al-Quḍāh Taqiyy al-Dīn al-Subkī

Tokoh besar ulama' Islam, al-Imām Shaykh al-Islām Qāḍī al-Quḍāh al-Faqīh al-Muḥaddith al-Ḥāfiẓ al-Mufassir al-Muqri' al-Uṣūlī al-Mutakallim al-Naḥwī al-Lughawī al-Adīb al-Ḥakīm al-Manṭiqī al-Jadalī al-Khilāfī al-Naẓẓār Taqiyy al-Dīn Abū al-Ḥasan ʿAlī bin ʿAbd al-Kāfī al-Subki al-Shāfiʿī al-Ashʿarī al-Ṣūfī (w.756H) menyebut di dalam kitabnya "Shifā' al-Siqām fi Ziyārat Khayr al-Anam ﷺ":

❁ ❁ ❁

اعلم أنه يجوز ويحسن التوسل والاستعانة والتشفع بالنبي صلى الله عليه وسلم إلى ربه سبحانه وتعالى، وجواز ذلك وحسنه من الأمور المعلومة لكل ذي دين المعروفة من فعل الأنبياء والمرسلين وسير السلف الصالحين والعلماء والعوام من المسلمين ولم ينكر أحدٌ ذلك من أهل الأديان ، ولا سُمعَ به في زمن من الأزمان ، حتى جاء ابن تيمية ؛ فَتكلَّم في ذلك بكلام يُلَبِّسُ فيه على الضعفاء الأغمار ، وابتدع ما لم يُسبق إليه في سائر الأعصار

"Ketahuilah bahawa sesungguhnya adalah harus dan baik untuk bertawassul dan beristighathah serta bertashaffu' dengan Baginda Nabi ﷺ kepada Tuhannya (Allah).

Dan keharusan perkara itu dan kebaikannya adalah daripada perkara-perkara yang diketahui oleh setiap orang yang mempunyai agama dan ia adalah sesuatu yang diketahui daripada perbuatan para Nabi dan para Rasul عليهم السلام, dan merupakan amalan para Salafus Soleh (orang-orang soleh dari kalangan para Sahabat رضي الله عنهم, para tabi'in dan para tabiʿit al-tabiʿin) dan para ulama' [selepas mereka] serta orang-orang awam daripada kalangan para muslimin dan tidak ada seorang pun yang mengingkarinya daripada kalangan orang yang beragama dan tidak pernah didengar berkenaannya pada satu zaman daripada zaman-zaman sebelum ini sehinggalah datangnya Ibnu Taimiyyah, lalu dia berkata dengan kata-kata yang memberi kekaburan ke atas orang-orang yang lemah lagi sedikit ilmu, maka dengan ini dia telah membuat bidʿah yang tidak pernah dilakukan oleh seseorang pun pada mana-mana era [sebelumnya]."

❁ ❁ ❁

Beliau juga berkata:

وحسبُكَ أنَّ إنكار ابن تيمية للاستغاثة والتوسل قَولٌ لم يقله عالمٌ قبله ، وصار به بين أهل الإسلام مُثْلةٌ

"Dan cukuplah bagimu bahawa sesungguhnya pengingkaran oleh Ibnu Taimiyyah bagi amalan Istighathah dan Tawassul adalah merupakan satu pandangan yang tak pernah disebut oleh mana-mana orang alim pun sebelumnya.

Maka dengan pandangan sebegini, beliau berada di kedudukan yang pelik/janggal/hina di kalangan orang-orang Islam."

❁ ❁ ❁

Beliau berkata lagi:

وأقول : إنَّ التَّوسُل بالنبي صلى الله عليه وسلم جَائزٌ في كل حَالٍ ، قبل خَلْقِه ، وبعد خَلْقِهِ ، في مُدَّةِ حياته في الدنيا ، وبعد موته في مُدّة البرزخ ، وبعد البعث في عرصات القيامة والجنة ،

“Dan aku berkata: Sesungguhnya bertawassul dengan Baginda Nabi ﷺ adalah harus dalam setiap keadaan:

- Sebelum Baginda ﷺ diciptakan;
- Selepas Baginda ﷺ diciptakan;
- Sewaktu Baginda ﷺ masih hidup di dunia ini;
- Selepas kewafatan Baginda ﷺ di alam barzakh; dan
- Selepas kebangkitan para makhluk pada hari kiamat dan di syurga kelak.”

Al-Imam Shams al-Dīn al-Ramlī

Di dalam “Fatāwā Shams al-Dīn al-Ramli”:

سئل عما يقع من العامة من قولهم عند الشدائد : يا شيخ فلان ، يا رسول الله ، ونحو ذلك من الاستغاثة بالأنبياء والمرسلين والأولياء والعلماء والصالحين فهل ذلك جائز أم لا ؟ وهل للرسل والأنبياء والأولياء والصالحين والمشايخ إغاثةٌ بعد موتهم ؟ وماذا يرجح ذلك ؟

> “Beliau ditanya tentang perkara yang dilakukan oleh orang ramai dengan kata-kata mereka ketika menghadapi kesusahan: Wahai Sheikh fulan, Wahai Rasulullah dan seumpamanya daripada *istighāthah* dengan *anbiyā’*, para rasul, para *awliyā’*, para ulama’ dan para *sāliḥīn*, maka adakah perkara itu harus atau tidak? dan Adakah ada bagi para rasul, para *anbiyā’,* para *awliyā’* dan para *sāliḥīn* serta para *mashāyikh* itu *ighāthah* (kelayakan untuk memberi bantuan) selepas kewafatan mereka? dan Apakah perkara yang rajih dalam masalah ini?.”

Beliau menjawab:

فأجاب : بأن الأستغاثة بالأنبياء والمرسلين والأولياء والعلماء والصالحين جائزة ، وللرسل والأنبياء والأولياء والصالحين إغاثة بعد موتهم ، لأن معجزة الأنبياء وكرامة الأولياء لا تنقطع بموتهم ، أما الأنبياء فلأنهم أحياء في قبورهم يصلون ويحجون كما وردت به الأخبار ، وتكون

الإغاثة منهم معجزة لهم ، وأما الأولياء فهي كرامة لهم فإن أهل الحق على أنه يقع من الأولياء بقصد وبغير قصد أمور خارقة للعادة يجريها الله تعالى بسببهم

> “Maka beliau menjawab bahawa sesungguhnya *istighāthah* dengan para nabi, para rasul, para wali, para ulama dan orang-orang soleh adalah merupakan perkara yang harus. Dan ada bagi para rasul, para nabi, para wali dan orang-orang soleh itu *ighāthah* (kelayakan untuk memberi bantuan) selepas kewafatan mereka kerana mukjizat para nabi dan karamah para wali tidak terputus dengan kewafatan mereka.
>
> Bagi para nabi, mereka itu sesungguhnya hidup di dalam kubur-kubur mereka dan mereka melakukan solat dan haji sepertimana yang telah datang dalam riwayat berkenaan perkara ini dan kelayakan memberi pertolongan daripada mereka adalah merupakan mukjizat bagi mereka.
>
> Manakala bagi para wali pula, maka ia adalah merupakan *karāmah* bagi mereka. Sesungguhnya Ahlul Haqq itu berpandangan bahawa *karāmah* boleh berlaku daripada para wali, sama ada dengan qasad ataupun tanpa qasad bagi perkara yang mencari adat yang Allah ﷻ laksanakan dengan sebab mereka.”

Fatwa al-Shaykh al-ʿAllāmah Daud al-Faṭanī

Di dalam kitabnya “Furūʿ al-Masāʾil”, al-Shaykh al-ʿAllāmah Daud al-Faṭānī menjawab soalan berkenaan *istighāthah*.

Soalan: Apakah hukum sekiranya seorang itu setiap kali ditimpa kesusahan seperti sakit, bala’, musibah dan seumpamanya, lalu ia berkata: “Ya Sayyidi, Ya Rasulullah,” atau “Wahai si fulan bin fulan,” sambil menyebut nama-nama nabi nama-nama rasul dan orang soleh dengan menjerit dan berteriak menyebut namanya memohon bantuan daripadanya?. Apakah perbuatan seperti ini diharuskan oleh syarak?. Adakah para rasul dan nabi serta para wali yang telah lama meninggal dunia boleh memberi bantuan atau memberi pertolongan kepada mereka yang memohon pertolongan daripadanya?
Jawapan: Adalah harus bagi seseorang memohon pertolongan daripada para nabi dan rasul para wali ulama dan orang soleh walaupun mereka telah meninggal dunia tetapi masih boleh memberi pertolongan ini kerana para nabi dan rasul mempunyai mukjizat, manakala para wali dengan *karāmah*nya. Mukjizat dan *karāmah* tidak akan terputus dengan kematian.

❁ ❁ ❁

Soalan: Adakah para rasul dan nabi serta para wali yang telah lama meninggal dunia boleh memberi bantuan atau memberi pertolongan kepada mereka yang memohon pertolongan daripadanya?
Jawapan: Para nabi dan rasul dipercayai hidup di dalam kubur mereka dalam keadaan mereka bersolat mengerjakan ibadah haji sepertimana yang bersumber daripada beberapa riwayat dan mukjizat mereka dapat menolong orang yang dikehendaki. Begitu juga para syuhada', mereka hidup di dalam kubur mereka dan masih turut sama berperang menentang golongan yang kafir. Manakala golongan para wali pula, mereka dengan keramatnya. Berkata Ahlul Haqq, bagi para wali akan berlaku sesuatu hanya melalui *qaṣad* dan niatnya sahaja atau dengan tidak payah ber*qaṣad* dan berniat pada perkara-perkara adat. Nescaya **Allah** akan melaksanakannya disebabkan keinginan mereka untuk menyampaikan hajat kepada seseorang kerana semua itu adalah perkara yang harus berlaku dan tidak mustahil. Begitulah yang difatwakan oleh al-Shaykh Aḥmad Ramlī al-Kabīr.

TAWASSUL DAN *ISTIGHĀTHAH* ADALAH ISU FIQH, DAN BUKAN AKIDAH

Menurut al-Shaykh Aḥmad Sharīf al-Naʿasān – seorang ulama' dari Halab (Aleppo), Syria, Ibnu Taymiyyah adalah merupakan orang pertama yang melakukan bid'ah memindahkan permasalahan *tawassul* dan *istighāthah* dari kerangka fiqh ke perbahasan akidah. Beliau menyebut (2020):

إن أول من نقل مسألة التوسل والاستغاثة من فروع الفقه إلى أصول العقائد هو ابن تيمية رحمه الله تعالى، ولم يسبقه إلى ذلك أحد من السلف ولا الخلف، فابتدع ما لم يقله عالم قبله، كما جاء في رد المحتار لابن عابدين رحمه الله تعالى، قال: وَقَالَ السُّبْكِيُّ : يَحْسُنُ التَّوَسُّلُ بِالنَّبِيِّ إلَى رَبِّهِ، وَلَمْ يُنْكِرْهُ أَحَدٌ مِنْ السَّلَفِ وَلا الْخَلَفِ إلا ابْنَ تَيْمِيَّةَ فَابْتَدَعَ مَا لَمْ يَقُلْهُ عَالِمٌ قَبْلَهُ. اهـ.

> "Sesungguhnya orang yang pertama memindahkan permasalahan *tawassul* dan *istighāthah* daripada cabang fiqh kepada asas-asas akidah adalah Ibnu Taymiyyah – *raḥimahullāhu taʿālā* - dan tidak ada seorang pun daripada kalangan [ulama'] generasi salaf atau khalaf yang melakukan sedemikian sebelum beliau.
>
> Maka dengan ini beliau telah melakukan satu bid'ah yang tidak pernah disebut oleh mana-mana orang alim sebelum beliau, sepertimana yang telah dinyatakan oleh Imam Ibnu ʿĀbidīn di dalam "Radd al-Muḥtār":
>
> Imam Taqiyy al-Din al-Subki (w.7) berkata: Tawassul dengan Baginda Nabi ﷺ kepada Tuhannya (Allah) adalah satu perkara yang baik dan tidak ada seorang pun yang mengingkarinya daripada kalangan Salaf (Salih)

mahupun Khalaf (Tayyib) melainkan Ibnu Taimiyyah; beliau telah memulakan bidʿah yang tidak pernah disebut oleh mana-mana orang alim pun sebelum beliau.” Selesai

فقد كانت مسألة التوسل والاستشفاع والاستغاثة لمدة ثمانية قرون مسألة فقهية، وكان الفقهاء في المذاهب الأربعة يبحثونها في باب الحج والزيارة وغيرها، حتى جاء ابن تيمية رحمه الله فنقلها إلى باب العقيدة، وحكم على المتوسل والمستغيث والمستشفع بالكفر، واستحلَّ دماءهم وأعراضهم وأموالهم.

“Sesungguhnya permasalahan *tawassul*, *istishfāʿ* dan *istighāthah* bagi tempoh lapan kurun hijrah yang pertama adalah merupakan masalah fiqh [di kalangan para ulama].

Dan para ulamak fiqh daripada kalangan empat mazhab membahaskan isu-isu ini di dalam bab Haji, Ziarah [ke Madinah dan Maqam Rasulullah ﷺ] dan selainnya sehinggalah datangnya Ibnu Taymiyyah - – *raḥimahullāhu taʿālā* -, lalu dia memindahkan masalah-masalah ini ke dalam bab akidah dan beliau telah menghukum orang yang melakukan *tawassul*, *istighāthah* dan *istishfāʿ* dengan kekufuran sehingga (menyebabkan) menghalalkan darah, maruah dan harta benda mereka.”

R: Laman Sesawang Rasmi al-Shaykh Aḥmad Sharīf al-Naʿasān: www.naasan.net (2020).

SIKAP GOLONGAN EKSTRIM DAN RADIKAL

Golongan ekstrim yang mengkafirkan majoriti umat Islam ASWJ yang melakukan *istighāthah* sebenarnya tidak mempunyai dalil atau hujah atau alasan yang kukuh bagi tuduhan tersebut, apatah lagi untuk menghalalkan darah dan harta mereka kerana isu ini. Salah faham yang ditimbulkan oleh Ibnu Taimiyyah pada kurun kelapan hijrah berkaitan konsep tauhid, syirik, *bid'ah*, *tawassul*, *istighāthah* dan *tabarruk* akhirnya telah dikembangkan dengan kefahaman dan cara yang lebih ekstrim dan radikal oleh pengasas ajaran Wahhabi sehingga beliau mendakwa dan menuduh bahawa umat Islam pada zamannya telah melakukan syirik yang lebih besar daripada syirik yang dilakukan oleh golongan musyrikin Quraysh pada zaman Rasulullah ﷺ. Beliau mendakwa bahawa amalan *tawassul* dan *istighāthah* ini sebagai perkara yang membatalkan Tauhid Ulūhiyyah – menurut pembahagian tauhid kepada tiga serangkai di sisinya. Dakwaan ini boleh dilihat dalam buku karangannya “*Kashf al-Shubuhāt*.”

Dengan dakwaan sedemikian, golongan Wahhabi mula menyerang umat-umat Islam yang lain di sekitar mereka termasuk Mekah dan Madinah dengan dakwaan mereka telah jatuh kufur dan syirik serta darah dan harta benda mereka menjadi

halal. Mereka menamakan golongan mereka sebagai *muwaḥḥidūn* dan menamakan umat Islam lain sebagai *mushrikūn* atau *qubūriyyūn*. Hakikat ini ditulis sendiri di dalam buku-buku sejarah mereka seperti *Tārīkh Najd* oleh Ḥusayn, Ibn Ghannām (anak murid pengasas Wahhabi) dan *ʿInwān al-Majd fi Tārīkh Najd* oleh ʿUthmān, Ibn Bishr. Bukti sejarah berdarah golongan yang ekstrim dan radikal di akhir-akhir era Khilafah Turki Uthmāniyyah ini menunjukkan bahawa salah faham dalam konsep tauhid, syirik, *tabdīʿ*, *takfīr* dan *istiḥlal* kerana isu *bid'ah*, *tawassul*, *istighāthah* dan *tabarruk* telah mewujudkan umat Islam yang bersikap radikal dan teroris yang dapat dilihat kesannya sehingga ke hari ini.

Al-Lajnah al-Dā'imah li al-Buḥūth al-ʿIlmiyyah wa al-'Iftā' di Arab Saudi pernah mengeluarkan fatwa bahawa orang yang melakukan *istighāthah* dengan orang telah wafat, sama seorang nabi atau bukan seorang nabi, telah melakukan *shirk akbar* dan murtad keluar dari agama Islam. Lajnah ini menyebut di dalam koleksi fatwanya "Fatāwā al-Lajnah al-Dā'imah li al-Buḥūth al-ʿIlmiyyah wa al-'Iftā'" (Jilid 1, p.54):

ج: إن الاستغاثة بالأموات ودعاءهم من دون الله أو مع الله شرك أكبر
يخرج من ملة الإسلام سواء كان المستغاث به نبياً أم غير نبي وكذلك الاستغاثة
بالغائبين شرك أكبر يخرج من ملة الإسلام والعياذ بالله وهؤلاء لا تصح الصلاة
خلفهم لشركهم.

> "Sesungguhnya *istighāthah* dengan orang-orang telah wafat dan berdoa kepada mereka selain daripada Allah, atau bersama Allah, adalah merupakan *shirk akbar* yang mengeluarkan seseorang daripada agama Islam, sama ada *al-mustaghāth bih* adalah seorang nabi atau selain nabi. Begitu juga hukum bagi *istighāthah* dengan orang-orang yang tidak hadir atau ghaib [daripada *mustaghith*], ia merupakan *shirk akbar* yang mengeluarkan seseorang daripada agama Islam – dan perlindungan hanyalah dengan Allah – dan mereka itu, tidak sah untuk bersolat di belakang mereka kerana kesyirikan mereka."

Fatwa seperti ini menyebabkan pengikut fahaman Wahhabi bersikap keras dan bahkan radikal terhadap majoriti ulama' dan umat Islam yang menerima amalan *tawassul* dan *istighāthah* sebagai salah satu bentuk doa yang disyariatkan. Fatwa-fatwa negeri di Malaysia berkenaan fahaman Wahhabi sebenarnya lebih awal telah menerangkan sikap golongan ini terhadap amalan *tawassul* dan *istighāthah*. Penulis meletakkan petikan fatwa-fatwa tersebut di dalam jadual berikut.

Fatwa Negeri	Ciri Ajaran Wahhabi Berkaitan *Tawassul* dan *Istighāthah*
Negeri Sembilan (2015) (Diwartakan pada 2022)	“Menganggap syirik amalan-amalan ahli sunnah seperti perbuatan **tawassul**, tabarruk dan **istighathah** dan selawat-selawat yang mengandungi pujian kepada Rasulullah ﷺ seperti Selawat Syifa dan Selawat Tafrijiyyah;
Johor (2016) (Diwartakan)	“Tauhid uluhiyyah – dengan tauhid ini, mereka menafikan tauhid umat Islam yang ber**tawasul**, ber**istighasah**, dan bertabarruk sedangkan ketiga-tiga perkara tersebut diterima oleh majoriti ulama Islam khasnya ulama’ empat mazhab.”
	“Menganggap syirik amalan-amalan ahli sunnah seperti perbuatan **tawassul**, tabarruk dan **istighathah** dan selawat-selawat yang mengandungi pujian kepada Rasulullah seperti Selawat Syifa' dan Selawat Tafrijiyyah”
Sabah (2017) (Diwartakan)	“Menganggap syirik amalan-amalan ahli sunnah seperti perbuatan **tawassul**, tabarruk dan **istighathah** dan selawat-selawat yang mengandungi pujian kepada Rasulullah SAW seperti Selawat Syifa dan Selawat Tafrijiyyah”

SALAH FAHAM GOLONGAN EKSTRIM

Bahagian ini membincangkan beberapa salah faham yang berlaku di kalangan golongan yang mengharamkan *istighāthah*, bahkan mengkafirkan orang yang melakukannya.

Salah Faham 1: *Istighāthah* itu adalah Satu Kesyirikan dan Iktikad Ketuhanan kepada *Mustaghāth*

Syirik ialah menyekutukan/ mempersekutukan Allah ﷻ dengan sesuatu selain-Nya atau makhluk-Nya. Menurut al-Shaykh ʿAbdullāh al-Hāshimī, syirik mempunyai dua dimensi, iaitu:

1. Menyekutukan Allah ﷻ dengan makhluk pada sifat Allah, semuanya atau sebahagiannya.
2. Menyekutukan Allah ﷻ dengan makhluk pada sifat makhluk, semuanya atau sebahagiannya.

Jadual di bawah memperincikan perbezaan dan contoh di antara kedua-dua bentuk syirik ini.

Jadual 1: Dua Dimensi Syirik

Bil.	Dimensi Syirik	Contoh
1.	Menyekutukan/ mempersekutukan Allah dengan makhluk pada sifat Allah, semuanya atau sebahagiannya.	Menyifatkan makhluk dengan sifat-sifat Allah seperti sifat *qidam*, mempunyai kekuatan *ta'thīr* (memberi kesan dengan kekuatan sendiri), kuasa mencipta (*ījād*) dan menjadikan (*khalq*) sesuatu, berhak disembah, pencipta alam dan lain-lain.
2.	Menyekutukan/ mempersekutukan Allah dengan makhluk pada sifat makhluk, semuanya atau sebahagiannya.	Menyifatkan Allah dengan sifat-sifat jisim atau makhluk seperti berarah/ berpihak, bertempat, berpindah, bergerak, mempunyai saiz/ had, berat, rupa, juzuk, anggota dan lain-lain.

Seorang muslim ASWJ yang melakukan *istighāthah* tidak pernah mengiktikadkan ketuhanan atau kekuatan *ta'thīr* atau kekuasan *ījād* dan *khalq* bagi para *anbiyā'* dan *awliyā'*. Dia hanya memandang mereka sebagai makhluk Allah yang mempunyai kemuliaan di sisi-Nya dan menjadi sebab bagi kurniaan dan pertolongan Allah sampai kepada mereka.

Salah Faham 2: *Istighāthah* itu Beribadah atau Sembahan kepada Yang Diminta Tolong (*Mustaghath*)

Memohon pertolongan daripada seseorang atau sesuatu atau menyerunya tidak melazimkan makna ibadah atau sembahan. Ini adalah jelas berdasarkan hadith-hadith yang telah dibentangkan sebelum ini di mana Baginda ﷺ mengajar umat Baginda ﷺ untuk menyeru atau menyebut:

يا عباد اللهَ أعينوا

"Wahai para hamba Allah, bantulah daku."

Tanpa *talāzum* di antara *istighāthah* dan ibadah/ sembahan, maka melazimkan apa yang tidak lazim adalah satu bentuk *takalluf* dan sangka buruk (*sū' al-ẓann*) terhadap para muslimin.

Salah Faham 3: *Istighāthah* Dicela di dalam Al-Quran

Mereka menggunakan ayat al-Quran yang merujuk kepada "يدعون" seperti ayat ini (al-Naḥl:20):

﴿ وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللهِ لَا يَخْلُقُونَ شَيْئًا وَهُمْ يُخْلَقُونَ ﴾

dan seumpamanya, lalu mereka mendakwa umat Islam yang melakukan *istighāthah* menyeru kepada selain Allah. Pada hakikatnya mereka telah meletakkan makna perbuatan doa (dan ibadah sembahan) orang-orang kafir yang mengiktikadkan ketuhanan dan *ta'thir* bagi berhala sembahan mereka ke atas amalan *tawassul* dan *istighāthah* umat Islam yang tidak mengiktikadkan ketuhanan dan *ta'thir* dan pengibadahan melainkan bagi Allah, dan ini adalah merupakan sikap golongan khawārij. Imam al-Bukhari menyebut di dalam Sahihnya:

وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ (رضي الله عنهما) يَرَاهُمْ شِرَارَ خَلْقِ اللهِ، وَقَالَ: إِنَّهُمُ انْطَلَقُوا إِلَى آيَاتٍ نَزَلَتْ فِي الكُفَّارِ، فَجَعَلُوهَا عَلَى الْمُؤْمِنِينَ

> "Dan [Saidina ʿAbdullah] Ibnu ʿUmar رضي الله عنهما melihat mereka (golongan Khawarij itu) sebagai **seburuk-buruk makhluk Allah** dan beliau berkata:
>
> Sesungguhnya mereka itu pergi kepada ayat-ayat al-Qur'an yang diturunkan berkenaan orang-orang kafir, lalu mereka menjadikannya ke atas orang-orang beriman."
>
> R: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), Jilid 9, p.16.

Salah Faham 4: Dakwaan *Istighāthah* Selepas Kewafatan Rasulullah ﷺ Tidak Dilakukan oleh Para Sahabat رضي الله عنهم

Dakwaan ini tertolak dengan jelas berdasarkan athar-athar para Sahabat رضي الله عنهم yang telah dibentangkan sebelum ini.

Salah Faham 5: Dakwaan Rasulullah ﷺ Melarang Meminta Pertolongan daripada Selain Allah

Sebuah petikan hadith Rasulullah ﷺ berbunyi:

((إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللهَ وَإِذَا اسْتَعَنْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللهِ))

> "Apabila engkau meminta, maka hendaklah engkau meminta daripada Allah, dan apabila engkau meminta pertolongan, maka hendaklah engkau meminta pertolongan dengan Allah."
>
> T: (al-Tirmidhī (279H): al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 2516 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ).

Hadith ini perlu difahami dan ditafsirkan dengan harmoni dan betul agar ia tidak bertentangan dengan hadith-hadith yang menganjurkan agar seseorang menolong

orang yang lain. Hadith ini tidak memberi maksud bahawa meminta pertolongan daripada makhluk itu adalah haram. Menurut al-Shaykh al-Muhaddith al-Sayyid Dr. Muhammad bin al-Sayyid al-'Allamah ʿAlawi al-Maliki, maksud yang dikehendaki di dalam hadith ini ialah apabila seseorang itu membuat permintaan dan pertolongan, dia hendaklah mengiktikadkan bahawa kurniaan dan pertolongan yang sampai kepadanya itu adalah daripada Allah ﷻ pada hakikatnya.

GARIS PANDUAN *ISTIGHĀTHAH*

Berdasarkan perbincangan kedudukan *istighāthah* dari perspektif ASWJ dan salah faham golongan ekstrim berkenaan masalah ini, maka penulis mencadangkan garis panduan berikut khususnya buat masyarakat awam agar memiliki sikap yang murni dan harmoni berkenaan isu ini.

Garis Panduan 1

Seorang muslim yang melakukan *istighāthah* perlulah mempunyai asas-asas akidah yang jelas menepati akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah al-Ashāʿirah dan al-Māturidiyyah sepertimana yang dibentangkan di dalam pengajian akidah sifat 20 dan pengkhususan *ta'thīr* bagi Allah.

Garis Panduan 2

Seorang muslim yang melakukan *istighāthah* perlulah mengetahui bahawa *istighāthah* secara hakikatnya adalah salah satu bentuk doa permintaan kepada Allah ﷻ. Sandaran (*isnād*) lafaz *istighāthah* kepada *mustaghāth* hendaklah difahami dalam bentuk *majāzī* ataupun *sababiyyah* yang membawa erti para *anbiyā'* dan *awliyā'* hanyalah dijadikan sebab atau jalan untuk berdoa kepada Allah.

Garis Panduan 3

Tidak ada sebarang iktikad ketuhanan (*ʿubūdiyyah* atau *ilāhiyyah*) atau pengibadahan (penyembahan) atau *ta'thir* (kekuatan yang memberi bekas) atau kuasa mencipta (*ījād*) dan menjadikan (*khalq*) sesuatu bagi para *anbiyā'* dan *awliyā'*. Namun begitu, mereka adalah makhluk Allah yang mempunyai kemuliaan di sisi-Nya.

Garis Panduan 4

Seorang muslim yang mendengar seorang muslim yang lain melakukan *istighāthah* perlulah meletakkan sangkaan baik dalam memahami kata-katanya apatah lagi jika pihak yang melakukan *istighāthah* atau menyusun lafaz *istighāthah* tersebut adalah para ulama'.

Garis Panduan 5


Isu *istighāthah* ini pada hakikatnya adalah isu *khilafiyyah* di dalam cabang fiqh dan majoriti para ulama' yang melakukannya atau mengharuskannya mempunyai dasar dan hujah yang kuat. Pihak yang tidak bersetuju dengan amalan ini sepatutnya berpegang kepada adab perbezaan pandangan (*ādāb al-ikhtilāf*) di dalam masalah ini.

Semoga perpaduan dan persaudaraan umat Islam tidak dirosakkan lantaran salah faham yang berlaku di dalam perkara ini.

KESIMPULAN

Konsep *istighathah* di sisi Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) pada hakikatnya terbina di atas iktikad kemuliaan dan keagungan darjat para *anbiya'* dan *awliya'* khususnya Baginda Rasulullah ﷺ di sisi Allah ﷻ. Ia juga berdasarkan kepada iktikad kehidupan *anbiya'* dan *awliya'* di alam barzakh serta keupayaan mereka untuk berdoa kepada Allah ﷻ bagi orang-orang yang meminta bantuan daripada mereka. ASWJ membenarkan amalan *istighathah* berdasarkan kepada iktikad *tasabbub* atau *sababiyyah* dan bukanlah di atas iktikad *rububiyyah* atau *ilahiyyah* atau *ta'thīr* atau kekuasaan *ījād* dan *khalq* (kekuatan untuk mengadakan dan menciptakan sesuatu) yang hanya dimiliki oleh Allah ﷻ semata-mata.

Gambar Rajah 1: Rangka Konsep Istighāthah di sisi Ahli Sunnah Wal Jama'ah



BIBLIOGRAFI

Abū Nuʿaym al-Aṣbahānī. *Akhbār Asbahān*. al-Dar al-'Ilmiyyah.

Abu Ya'la al-Khalili. (1414H/1993M). *al-Irshad fi Ma'rifat 'Ulama' al-Hadith* (Vol. 1) [Tahqiq: 'Amir Ahmad Haydar]. Dar al-Fikr.

Abū Yaʿlā al-Mawṣilī. (1992). *Musnad Abī Yaʿlā al-Mawṣilī*. al-Thaqāfah al-ʿArabiyyah.

Abu Zur'ah al-'Iraqi. (1999). *Tarh al-Tathrib*. Nizar Mustafa al-Baz.

Aḥmad, Ibn Ḥanbal. (1995). *al-Musnad*. Muʿassasat al-Risālah.

al-Bayhaqī, Abu Bakr Ahmad Ibn al-Husayn. *Dalā'il al-Nubuwwah*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Bayhaqī, Abu Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn. *Hayat al-Anbiya' fi Quburihim* [Tahqiq: Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata]. Maktabat Dar al-Baz.

al-Bazzār, Abū Bakr. (1997). *al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār*. Maktabat al-ʿUlūm wa al-Ḥikam.

al-Bukhārī, Muḥammad Ismāʿīl. (1989). *al-Adab al-Mufrad*. Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.

al-Bukhārī, Muḥammad Ismāʿīl. (1999). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Dar al-Salām.

al-Būṣīrī. (1998). *Itḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawāʾid al-Masānīd al-ʿAsharah* [Tahqiq: Abu 'Abd al-Rahman 'Adil Ibn Sa'd & Abu Ishaq al-Sayyid Ibn Mahmud]. al-Rushd.

al-Dārimī, ʿAbdullāh ʿAbdurraḥmān. (2000). *Sunan al-Dārimī*. Dār al-Mughnī li al-Nashr wa al-Tawzīʿ.

al-Haythami, Nur al-Din. *al-Maqsid al-'Ali fi Zawa'id Abi Ya'la al-Mawsili*.

al-Haythamī, Nūr al-Dīn. (1979). *Kashf al-Astār ʿan Zawāʾid al-Bazzār*. Muʾassasat al-Risālah.

al-Nasāʿī, Aḥmad Shuʿayb. (1986). *al-Sunan al-Kubrā*. Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

al-Ṭabarānī, Sulayman Ahmad. *al-Muʿjam al-Kabīr*. Maktabat al-ʿUlūm wa al-Ḥikam.

al-Tirmidhī, Muḥammad ʿIsā. *al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)*. Maktabat al-Maʿārif li al-Nashr wa al-Tawzīʿ.

Ibn 'Abd al-Barr, Yusuf Abdullah. (1415H/1995M). *al-Isti'ab fi Ma'rifat al-Ashab*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Abi Khaythamah. *Tarikh Ibn Abi Khaythamah*. al-Faruq al-Hadithiyyah.

Ibn Abi Shaybah. (2004). *Musannaf Ibn Abi Shaybah*. al-Rushd.

Ibn al-Sunnī. (2001). *ʿAmal al-Yawm wa al-Laylah*. Dar Ibn Hazm.

Ibn ʿAsākir, Ali Hasan. (1998). *Tārīkh Dimashq*. Dar al-Fikr.

Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī, Aḥmad ʿAlī. (1998). *al-Maṭālib al-ʿĀliyah bi Zawāʾid al-Masānid al-Thamāniyah*. al-Mamlakah al-ʿArabiyyah al-Saʿūdiyyah.

Ibn Kathir, Isma'il 'Umar. (1988). *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Ibn Mājah, Muḥammad Yazīd Qazwīnī. (2010). *Sunan Ibn Mājah*. Dār Ihyāʿ al-Kutub al-ʿArabiyyah.

Tamām al-Rāzī, Ibn Muhammad. *Fawā'id Tamām al-Rāzī*. Maktabat al-Rushd.

Anjuran Jabatan Mufti Negeri Sembilan dengan kerjsama Pertubuhan Nahdhatul Ulama' Malaysia, Akademi Warisan Nusantara dan Masjid Dato' Klana Petra.